

## **GARIS PANDUAN PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA/ PENGAJIAN JARAK JAUH (PJJ) / PROGRAM EKSEKUTIF KUMPULAN PROFESIONAL DAN PENGURUSAN DAN SOKONGAN**

1. Pegawai **Pengurusan & Profesional** dan **staf** akademik yang sedang bertugas boleh dipertimbangkan untuk permohonan pengajian secara separuh masa/ pengajian jarak jauh (PJJ) di UKM atau di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam tertakluk tidak menjejaskan tugasannya.

2. Pegawai **Pengurusan & Profesional dan staf pelaksana** boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program pengajian secara separuh masa/pengajian jarak jauh (PJJ) dengan pengecualian yuran di UKM berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

2.1. Telah disahkan dalam perkhidmatan;

2.2. Disokong oleh Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat dan Dekan/Pengarah;

2.3. Pengajian tidak boleh di Jabatan di mana pegawai ditempatkan (kecuali dengan kelulusan khas Pengerusi Jawatankuasa);

2.4. Keutamaan peluang belajar secara separuh masa akan diberikan kepada pegawai yang tidak pernah mendapat kemudahan cuti belajar dalam program yang sama;

2.5. Had masa belajar yang diluluskan adalah had minimum peraturan jangka masa sesuatu program pengajian secara separuh masa yang berkenaan boleh ditamatkan:

- (i) Sarjana - 4 semester;
- (ii) Doktor Falsafah - 8 semester;
- (iii) Sarjanamuda (PJJ) - 7 semester.

2.6. Pelepasan hanya diberikan maksimum 6 jam seminggu untuk menghadiri kuliah dan jumlah masa ini perlu digantikan semula dengan tambahan masa bekerja dalam jumlah jam yang sama. Pegawai yang diluluskan perlu memaklumkan kepada Ketua Bahagian masing-masing jadual kuliah/pertemuan yang tetap untuk rekod Jabatan dan jadual penggantian masa pejabat.

3. **Staf akademik** boleh dipertimbangkan mengikuti pengajian secara separuh masa dengan pengecualian yuran berasaskan syarat-syarat seperti berikut:

3.1. Telah disahkan dalam perkhidmatan;

3.2. Disokong oleh Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat dan Dekan/Pengarah;

3.3. Telah berumur lebih 45 tahun;

3.4. Belum pernah diberikan sebarang kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa dalam program yang sama;

3.5. Had masa belajar yang diluluskan adalah had minimum peaturan jangka masa sesuatu program pengajian yang berkenaan boleh ditamatkan:

- (i) Sarjana - 4 semester;
- (ii) Doktor Falsafah - 8 semester.

4. **Pegawai pengurusan & profesional dan staf pelaksana serta staf akademik** boleh dibenarkan mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam luar tertakluk kepada kriteria dalam perkara 3 dan 4. Walau bagaimanapun dalam keadaan ini, pegawai tidak akan diberikan pengecualian yuran.

5. Penentuan kriteria ini bukanlah bermakna Universiti menyekat peluang dan kemudahan **staf**, sebaliknya dijadikan sebagai alat kawalan dan panduan agar pemohon lebih bertanggungjawab terhadap peluang dan kesempatan yang diberikan kerana secara tidak langsung UKM terpaksa menanggung kos per pelajar, di samping kos kerugian masa pejabat.

6. Pegawai yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, masih boleh diberikan kemudahan pelepasan mengikuti pengajian secara separuh masa/pengajian jarak jauh (PJJ) di UKM tanpa pengecualian yuran, sama seperti kemudahan yang diberikan kepada kakitangan yang memilih untuk melanjutkan pengajian di luar UKM.